

1. Ribuan penonton membanjiri _____ untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga S _____ Malaysia.

- ☐ A padang
- ☐ B stadium
- ☐ C gimnasium
- ☐ D gelanggang

2. Sultan dan permaisuri bersemayam di atas _____ sempena hari keputeraan baginda yang ke-60 tahun.

- ☐ A puri
- ☐ B tandu
- ☐ C mahligai
- ☐ D singgahsana

3. Puan Amirah bergegas pulang ke _____ halamannya di Selangor setelah mendapat tahu bahawa ayahnya sakit tenat.

- ☐ A kota
- ☐ B bandar
- ☐ C pejabat
- ☐ D kampung

4. Potongan rambut yang tidak mengikut _____ yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dilarang sama sekali bagi murid-murid lelaki.

- ☐ A standard
- ☐ B cetakan
- ☐ C rentak
- ☐ D acuan

5. Suzana mengalami masalah penampilan diri akibat perubahan _____ dalam badannya.

- ☐ A sel
- ☐ B otot
- ☐ C organ
- ☐ D hormon

6. Martha yang berhasrat untuk memiliki sebuah _____ bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kereta idamannya itu.

- ☐ A proton perdana
- ☐ B proton Perdana
- ☐ C Proton perdana
- ☐ D Proton Perdana

7. Golongan _____ akan diraikan pada 1 Mei setiap tahun sebagai tanda penghargaan kepada mereka.

- ☐ A pekerja
- ☐ B pendidik
- ☐ C pengetua
- ☐ D pentadbir

8. Masalah _____ akhlak dalam kalangan remaja dibincangkan dalam forum itu.

- ☐ A kemerosotan
- ☐ B kemelesetan
- ☐ C keruntuhan
- ☐ D kepudaran



9. Musang yang makan ayam-ayam di kampung itu telah masuk ke dalam _____ yang dibuat oleh penduduk kampung.

- ☐ A reban
- ☐ B sangkar
- ☐ C kandang
- ☐ D perangkap

10. Menurut _____, sindrom bermaksud kumpulan gejala atau tanda-tanda yang menunjukkan terdapatnya suatu penyakit.

- ☐ A Kamus Dewan Edisi Keempat
- ☐ B Kamus Dewan edisi Keempat
- ☐ C Kamus Dewan Edisi keempat
- ☐ D Kamus Dewan edisi keempat

11. Pegawai-pegawai kerajaan hendaklah memberikan _____ yang terbaik.

- ☐ A pernyataan
- ☐ B persediaan
- ☐ C perkhidmatan
- ☐ D persembahan

12. Nelayan itu mendayung _____ ke tengah sungai untuk menangkap ikan.

- ☐ A feri
- ☐ B kapal
- ☐ C bahtera
- ☐ D sampan

13. Buku motivasi itu telah ditulis oleh _____ yang berpengalaman luas dalam bidang penulisan.

- ☐ A pereka
- ☐ B peserta
- ☐ C penerbit
- ☐ D pengarang

14. Haji Ibrahim bertugas sebagai _____ di Surau Al-Hijrah.

- ☐ A bilal
- ☐ B askar
- ☐ C murid
- ☐ D doktor

15. Kakak berasa sedih kerana kucing kesayangannya yang bernama _____ telah mati. _____ bat dilanggar oleh kereta.

- ☐ A Si tompok
- ☐ B Si Tompok
- ☐ C si Tompok
- ☐ D si tompok

16. Sejak _____ itu dibina, penduduk kampung sudah tidak menggunakan sampan untuk menyeberangi sungai.

- ☐ A kabel
- ☐ B jejantas
- ☐ C jejambat
- ☐ D jambatan

17. Pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara boleh memohon _____ daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

- ☐ A derma
- ☐ B hadiah
- ☐ C yayasan
- ☐ D blasiswa

18. Zahari menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pelajarannya hingga peringkat _____.

- ☐ A universiti
- ☐ B sekolah
- ☐ C tadika
- ☐ D taska

19. Walaupun hasil jualan pisangnya tidak banyak, Pak Man tetap bersyukur dengan _____ yang diperolehnya.

- ☐ A tuah
- ☐ B darjat
- ☐ C rezeki
- ☐ D anugerah

20. Kita perlulah rajin menuntut ilmu sekiranya kita menginginkan _____ yang cerah.

- ☐ A had masa
- ☐ B masa depan
- ☐ C jangka masa
- ☐ D masa lapang